

## Kasut, selipar tiruan dirampas



PREMIS memproses kasut dan selipar tiruan pelbagai jenama di Kawasan Perindustrian Menglembu dan Kawasan Perindustrian Chandan Raya diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya. FOTO Ihsan KPDNHEP

**Mohd Hafizee Mohd Arop**  
*hafizee@nstp.com.my*

PREMIS memproses kasut dan selipar tiruan pelbagai jenama di Kawasan Perindustrian Menglembu dan Kawasan Perindustrian Chandan Raya di Ipoh, diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, semalam.

Dalam serbuan berasingan bermula 11.30 pagi di dua premis berkenaan itu berjaya merampas sebanyak 27,103 kasut dan selipar tiruan pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM1.3 juta.

Ketua Seksyen Siasatan KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, serbuan itu dijalankan selepas pihaknya menjalankan risikan selama dua minggu di kedua-dua lokasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan ke atas premis yang terbabit mendapat ia dijadikan tempat mengilang dan tempat penyimpanan pelbagai jenis selipar dan kasut berjenama yang disyaki tiruan."

"Penguatkuasa KPDNHEP turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun yang dipercayai pemilik premis dalam serbuan pertama untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataannya di sini.

Shamsul Nizam berkata, hasil siasatan awal mendapati kesemua barang rampasan itu dipercayai untuk edaran serta jualan di sekitar Perak dan juga negeri-negeri di kawasan utara.

Katanya, premis berkenaan dipercayai sudah beroperasi selama lima tahun dan pihaknya sedang menjalankan siasatan sama ada aktiviti itu dijalankan individu perseorangan atau sindiket.

Menurutnya, pihaknya sudah menyita kesemua barang berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu dan bagi perbadanan tidak melebihi 15,000 bagi setiap barang.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 19 Disember 2019 @ 1:10 PM

